

12 FEB 1998

Mahathir-Panel

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Kedua IAP di Cyberjaya

CYBERJAYA, 12 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memulakan mesyuarat dengan beberapa ketua teknologi maklumat (IT) terkemuka dunia di sini untuk membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan Koridoraya Multimedia (MSC) dan industri IT/multimedia.

Kesemua mereka adalah sebahagian daripada kumpulan 44 anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang akan bermesyuarat di sini selama dua hari sebagai susulan kepada mesyuarat pertama IAP yang diadakan di Universiti Stanford California pada 16 Jan tahun lepas.

Mesyuarat tertutup dua hari itu diadakan di resort dan juga kompleks pejabat mewah Cyberjaya, yang menempatkan ibupejabat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Sdn Bhd dan Cyberview Lodge dua tingkat dengan 48 bilik.

Cyberjaya merupakan sebuah bandaraya pintar, kira-kira 40 km di selatan Kuala Lumpur.

Tiga belas anggota IAP yang menghadiri mesyuarat itu termasuk Dr Stan Shih, pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Acer Incorporated; Presiden dan CEO Ericsson Dr Lars Ramqvist; Penasihat kanan dan anggota Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa di Washington Duta Diana Lady Dougan; pengerusi dan CEO EDS Corporation Lester M. Alberthal Jr; Dr Kenichi Ohmae dari Ohmae & Associates, Gary Tooker dari Motorola Inc.; Pengerusi NEC Dr Tadahiro Sekimoto; dan Professor William Miller dari Universiti Stanford.

Para peserta yang menginap di kompleks itu, akan dibawa menaiki helikopter untuk melihat pemandangan MSC dari udara.

Menurut Pengerusi Eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, beliau akan memberikan penerangan terkini mengenai MSC kepada anggota-anggota IAP itu.

Anggota-anggota itu juga akan diberi taklimat oleh empat syarikat berstatus MSC mengenai operasi mereka. Syarikat-syarikat itu ialah Datek Sdn Bhd, VMS Technology Sdn Bhd, Worldstocks Sdn Bhd dan Asia Pacific Information Services Sdn Bhd.

Isu-isu yang akan dibincangkan semasa mesyuarat itu termasuk trend pasaran global dalam IT dan isu-isu merentasi sempadan seperti masa depan perdagangan elektronik.

IAP yang terdiri daripada para pemimpin dan tokoh industri multimedia, ditubuhkan untuk menasihati kerajaan mengenai MSC, satu kawasan seluas 750 km persegi di selatan dari sini yang bakal menjadi sebuah pusat bagi pembangunan produk dan perkhimdatan multimedia.

Ia terletak di antara Kuala Lumpur City Centre dan lapangan terbang antarabangsa Kuala Lumpur yang baru di Sepang.

Setakat ini sejumlah 103 syarikat telah diberikan status MSC, dengan 80 buah telahpun beroperasi dan 23 sedang memulakan operasi mereka.

Dr Mahathir dijadual mengadakan persidangan berita pada pukul 6 petang ini.

-- BERNAMA

TM RON